

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 APRIL 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MBOT beri manfaat lebih 380,000 graduan teknikal dan teknologi	BERNAMA
2.	4- minute 'blood moon' will be visible tonight	New Straits Times
3.	'Persembahan' menarik bulan	Harian Metro
4.	Trak serbaguna ciptaan anak tempatan	Sinar Harian
5.	Typhoon unlikely to affect Sabah	The Star
6.	Gempa bumi sederhana melanda Timur Papua New Guinea	BERNAMA
7.	Gempa bumi sederhana landa Laut Ceram, Indonesia	BERNAMA
8.	TNB Janamanjung terima sijil BCM ISO	Berita Harian
9.	Factory owner linked to spill	The Star



MBOT Beri Manfaat Lebih 380,000 Graduan Teknikal Dan Teknologi

MELAKA, 4 April (Bernama) -- Lebih 380,000 graduan bidang teknikal dan teknologi di negara ini akan mendapat manfaat dengan penubuhan Majlis Teknologis Malaysia (MBOT) yang bertujuan mengiktiraf juruteknologi dan juruteknik sebagai kerjaya profesional.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata majlis itu juga bakal memudahkan laluan kerjaya profesional kepada graduan semua universiti dan kolej teknikal di negara ini.

"MBOT ini juga akan menyediakan silibus bersesuaian dan perlu diikuti semua universiti dan kolej teknikal tempatan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan memberi tambah nilai kepada graduan bidang teknikal sedia ada.

"Langkah ini juga bagi memastikan graduan teknikal yang dikeluarkan universiti dan kolej teknikal memenuhi kehendak pasaran industri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan produk 'home entertainment system' jenama 'Angel' di sini hari ini.

Beliau turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Quantum Opto Systems Sdn Bhd dengan Melaka ICT Holdings Sdn Bhd bagi melaksana pelbagai kerjasama dan pembangunan melibatkan peralatan komunikasi serta media di negeri ini.


Khamis lepas, Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 telah dibentangkan di Dewan Rakyat antara lain bertujuan menubuhkan MBOT yang merupakan badan berkanun yang bertanggungjawab mengiktiraf juruteknologi dan juruteknik sebagai profesional.

Abu Bakar berkata rang undang-undang itu dijangka dibawa ke Dewan Negara minggu depan sebelum dipersembah kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan baginda.

"Pelaksanaan undang-undang berkenaan juga dijangka meningkatkan taraf hidup juruteknologi dan juruteknik tempatan melalui tangga gaji baharu yang akan diwujudkan Jabatan Perkhidmatan Awam," katanya.

Beliau berkata usaha itu juga merupakan satu daripada usaha kerajaan bagi mengiktiraf dan memperkasa pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) yang dilihat dapat memberi sumbangan besar kepada negara pada masa depan.

-- BERNAMA



The lunar eclipse is expected to start at 8.01pm and will last for four minutes, in which the moon will appear to be tinted red.

4-minute 'blood moon' will be visible tonight

KUALA LUMPUR: A total lunar eclipse or "blood moon" tonight will be visible for four minutes, and will be the shortest total lunar eclipse of the century.

Those who live in Sabah will get the best view of the reddish orange tint of the moon.

Angkasa Science officer Mohd Zamri Shah Mastor said if the weather permitted, the view of the eclipse would be "spectacular".

"The blood moon can be seen across Asia Pacific, a golden opportunity for Malaysians to watch the lunar eclipse (today).

"The lunar eclipse, which is expected to start at 8.01pm, will last for

only four minutes, in which the moon will appear to be tinted red and the colour will be intense in that duration of time."

He said after four minutes, it would resume its partial phases.

The total lunar eclipse occurs only during the full moon phase, when the Sun, Earth and moon were perfectly aligned together.

Zamri said unlike a solar eclipse, using the naked eye to look at the lunar solar eclipse would do no harm.

He said the next total lunar eclipse would happen on Sept 28 this year, but would only be visible in Europe, Africa, America and across India.

'Persembahan' menarik bulan

■ Fenomena gerhana bulan penuh petang ini

Oleh Siraj Mohd Zaini
siraj@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Orang ramai berpeluang menyaksikan satu-satunya fenomena gerhana bulan penuh yang dapat dilihat di Malaysia pada tahun ini, mulai petang ini.

Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dalam kenyataannya berkata, fasa fenomena itu akan bermula pada jam 5.01 petang iaitu ketika bulan memasuki bayang-bayang penumbra.

Kemuncak gerhana berlaku pada jam 8 malam dan akan berakhir pada jam 10.59 malam iaitu apabila bulan keluar dari bayang-bayang penumbra.

Menurut kenyataan itu, di Sabah, bulan akan terbit lebih awal berbanding di Semenanjung iaitu sekitar jam 6 petang dan penduduk di negeri itu dapat menyaksikan fenomena itu bermula dari fasa separa sehingga tamat keseluruhan gerhana.

"Di Semenanjung pula, bulan hanya akan terbit sekitar jam 7.20 malam dan ini bermakna fasa gerhana bulan penuh bermula sejour selepas bulan terbit," katanya.

Katanya, lokasi terbaik untuk melihat adalah di kawasan paling timur dengan ufuk yang tidak terlandung.

ANGKASA dan Jabatan Mufti Se-

Gerhana Bulan Penuh Sabtu, 4 April 2015



Bulan mula memasuki Penumbra	5.01 petang
Bulan memasuki Umbra	6.16 petang
Bulan mula mengalami fasa gerhana penuh	7.58 malam
Gerhana maksimum	8.01 malam
Bulan mula keluar dari Umbra	8.03 malam
Bulan keluar sepenuhnya dari Umbra	9.45 malam
Bulan keluar sepenuhnya dari Penumbra	10.59 malam



GRAFIK HARIAN METRO: FAHMY HASHIM

langor juga akan mengadakan program pencerapan bulan dan planet Musytari, melihat bintang Sirius dan buruj Belantik (Orion) di pekarnangan Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong Selangor.

Sementara itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyarankan agar masjid dan surau mengadakan solat sunat khusuf (solat

sunat gerhana bulan) beserta khutbah gerhana.

Ketua Pengarah JAKIM Datuk Othman Mustapha berkata, pihaknya melalui masjid utama seperti Masjid Negara di ibu negara, Masjid Putra dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di Putrajaya akan menganjurkan solat sunat khusuf selepas solat Maghrib.

Trak serbaguna ciptaan anak tempatan

■ NURULFATIHA MUAH

JIKA dahulu, kerahan tenaga sering digunakan bagi mengangkut hasil tanaman dari ladang atau paling tidak pun, peladang akan menggunakan khidmat motosikal yang disambung dengan kereta sorong.

Namun, situasi itu agak rumit kerana memerlukan masa yang lama untuk mengangkut hasil tanaman

PRODUK INOVASI

memandangkan keadaan permukaan jalan di ladang yang tidak rata, selain tidak dapat mengangkut hasil tanaman dalam kuantiti yang banyak.

Melihat perkara itu, Pengurus Wah Gah Enterprise, Wagiman Dulahabedi yang mesra disapa Wak Wagiman tampil dengan inovasi trak serbaguna bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Wak Wagiman memberitahu, dia yang pernah mencari rezeki sebagai petani di ladang kelapa sawit kerap menghadapi kekangan mengangkut kelapa sawit dari ladang.

"Masa mula-mula, saya cipta kereta sorong khas, tetapi masih tidak mampu tampung hasil kelapa sawit yang diperolehi kerana ia berkapasiti kecil dan perlukan tenaga yang banyak.

"Selepas itu, saya guna motosikal pula tetapi masih juga hadapi masalah yang sama," katanya.



WAGIMAN



Wak Wagiman ambil masa tiga minggu siapkan sebuah trak serbaguna.



Sebahagian daripada trak serbaguna yang dihasilkan Wak Wagiman.



Wak Wagiman (dua, kiri) bersama Penghulu Mukim Ayer Hitam, Mohd Afezan Yahya (kiri) dan wakil YIM ketika Karnival Usahawan Industri Kecil dan Sederhana Mukim Ayer Hitam, Muar, Johor, baru-baru ini.



Sebahagian trak serbaguna telah siap sedia dihantar kepada pelanggan.

Guna bahan terpakai

Walaupun tiada kemahiran dan pendidikan formal untuk hasilkan kenderaan, namun kerana kesusahan yang dihadapi, Wak Wagiman berusaha memikirkan jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah yang sering dialami golongan petani seperti ini.

Akhirnya, pada 1994, Wak Wagiman mula menjalankan penyelidikan sendiri dengan menghasilkan trak serbaguna menggunakan sebuah kotak gear enjin Vespa terpakai.

"Untuk badannya, saya beli besi terpakai daripada kedai barang potong. Tayarnya pula, saya ambil tayar terpakai seperti lori dan traktor yang kemudiannya diperbaiki supaya kelihatan sempurna.

"Hasil suai padan daripada barangan terpakai dan buangan itu, maka jadilah trak serbaguna ini yang boleh angkut pelbagai barangan, bukan setakat buah kelapa sawit saja, malah nenas, getah dan lain-lain tanaman yang berat," katanya.

Wak Wagiman mula menggunakan ciptaannya sendiri untuk mengangkut hasil kelapa sawit keluar dari ladangnya di Muar, Johor.

Menariknya, trak serbaguna yang dihasilkan itu boleh digunakan di kawasan pedalaman, mahupun ben-

dang yang lecah.

Selain itu, setiap komponen yang dipasang untuk menghasilkan trak itu mudah dipasang dan dilepaskan sekiranya ia mengalami kerosakan. Ia memudahkan trak tersebut mudah dijaga dan dibaiki tanpa penjagaan teliti.

Komersial trak serbaguna

Ciri-ciri istimewa pada trak serbaguna yang unik itu menarik perhatian jiran-jiran Wak Wagiman dan penduduk di sekitar Kampung Ayer Hitam, Muar, Johor.

"Bila ada permintaan, saya pun buatlah trak serbaguna ini untuk bantu rakan-rakan angkut hasil ladang. Saya buat trak di bengkel sendiri yang terletak di sebelah rumah.

"Dari sini, saya mula jual trak serbaguna ini. Walaupun hanya jual pada kenalan di kampung ini saja, tetapi sambutanannya menggalakkan kerana ada promosi yang dibuat mereka dari mulut ke mulut," katanya.

Menurutnya, tempahan daripada pelanggan semakin hari semakin banyak selepas Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) membuat lawatan menerusi program jejak inovasi pada 2011.

YIM bekerjasama dengan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Industri Kecil Sederhana Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM-Cesmed) memberi bantuan infrastruktur untuk menambah baik bengkel saya dan kelengkapan lebih moden.

"YIM juga bantu dengan memberi peluang kepada kami untuk promosi trak serbaguna ini melalui pameran yang mereka anjurkan," katanya.

Bagaimanapun, Wak Wagiman masih mengekalkan penggunaan barangan terpakai seperti enjin, tayar dan besi yang dibeli secara borong daripada kilang.

Kini, trak serbaguna ciptaan Wak Wagiman yang dikenali sebagai Gerabak Ayer Hitam (Gah) telah terjual lebih 100 unit di seluruh Malaysia.

Trak serbaguna Wak Wagiman telah dipelbagaikan bukan setakat menggunakan enjin Vespa, tetapi enjin kenderaan terpakai lain seperti kereta. Ia dijual pada harga RM7,000 hingga RM13,000 bergantung pada spesifikasi.

Wak Wagiman turut menyimpan hasrat untuk membuka kilang menghasilkan trak serbagunanya sendiri pada masa akan datang.

"Saya mahu jual trak serbaguna ini ke negara luar seperti Indonesia dan Korea," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 19
TARIKH: 04 APRIL 2015 (SABTU)

Typhoon unlikely to affect Sabah

Maysak downgraded from 'super' status but set to hit central Philippines

KOTA KINABALU: Sabah is unlikely to be affected by Typhoon Maysak which is set to hit the Philippines tomorrow, according to the Meteorological Department.

State department director Abdul Malik Tussin said the typhoon had been downgraded from a super typhoon and was unlikely to cause storms in Sabah's north and west coast areas as it would hit the cen-

tral Philippines.

"The typhoon is moving northward and unlikely to bring any rain to Sabah. We are tracking it," he said, adding that the current dry spell in the state would continue till early next month, with only scattered rainfall this month.

Unlike other parts of the country experiencing heavy rainfall since last month, the dry spell has resulted

in villagers in rural Sabah digging wells, with streams and rivers drying up.

"There has been some rain but it's not been heavy enough," said Matunggong assemblyman Jelani Hamdan, whose area in northern Kudat was badly hit during the 1998 drought.

Jelani appealed to the Water Department to provide water to vil-

lages as an immediate relief as villagers were getting desperate for water.

"We have the Milau Dam (serving northern Sabah) with main pipes laid out and operational. Steps must be taken immediately to connect piped water to the villages," he added.

Southern parts of Sabah, Sarawak and Kalimantan have been experiencing some rainfall with only driz-

zles in the west coast and northern areas of Sabah.

Sabah water department officials said the water situation was still under control, and that there was sufficient supply of water to last several months.

Chief Minister Datuk Seri Musa Aman has ordered district offices to monitor the dry spell and take immediate steps to assist the people.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 04 APRIL 2015 (SABTU)



Gempa Bumi Sederhana Melanda Timur Papua New Guinea

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.4 pada skala Richter melanda wilayah timur Papua New Guinea pada 4.51 pagi Jumaat.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gempa ialah 22 kilometer di utara Lae, Papua New Guinea dan 3,388 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Gempa bumi itu tidak menyebabkan ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Sederhana Landa Laut Ceram, Indonesia

KUALA LUMPUR, 4 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.6 pada skala Richter melanda Laut Ceram, Indonesia pada 4.06 petang tadi.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini, gempa itu berpusat 120 kilometer dari barat laut Ambon, Indonesia dan 1,300 kilometer tenggara Semporna, Sabah.

Tiada ancaman tsunami dilaporkan.

-- BERNAMA

TNB Janamanjung terima sijil BCM ISO

TNB Janamanjung Sdn Bhd (TNB Janamanjung), anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB), baru-baru ini menerima pensijilan Pengurusan Kesenambungan Bisnes ISO 22301:2012, menjadikannya stesen jana kuasa Malaysia yang pertama mendapat pensijilan itu.

Pensijilan itu yang turut diiktiraf oleh Malaysia Book of Records (MBOR) adalah fasa lanjutan selepas Pensijilan Publicly Available Specification for Asset Management (PAS 55-1: 2008) yang diterima pada tahun 2013.

Majlis penyerahan sijil oleh **SIRIM QAS International** dan Malaysia Book of Records diadakan di Manjung, Perak dengan dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Pasir Panjang, Datuk Rashidi Ibrahim dan Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie.

Yang turut hadir Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Azman Mohd serta ahli Lembaga Pengarah TNB Janamanjung,

termasuk Zainudin Ibrahim yang juga Naib Presiden (Penjaan) TNB.

Sijil BCM ISO 22301:2012 dan Malaysia Book of Records diserahkan masing-masing oleh Pengarah Urusan, SIRIM QAS International, Khalidah Mustafa dan Ketua Penyelidikan Malaysia Book of Records, Leona Paul kepada Pengarah Urusan TNB Janamanjung, Shamsul Ahmad.

Pengurusan risiko efektif

Shamsul berkata, pengiktirafan itu diterima hasil daripada amalan yang lebih teratur, efektif dan sistematik dari segi pengurusan risiko, analisis impak perniagaan, kecekapan perediaan dalam pemulihan semula operasi dan pengurangan impak gangguan kepada operasi.

Katanya, latihan dan pelaksanaan amalan berkenaan yang bermula sejak April 2014 membolehkan TNB Janamanjung mempamerkan pengurusan risiko, pengurusan krisis dan perancangan pemulihan yang lebih efektif serta komprehensif.

Factory owner linked to spill

Probe to determine if oil in river came from tyre burning at plant

By YEE XIANG YUN and
NORBAITI PHAHARORADZI
newsdesk@thestar.com.my

JOHOR BARU: The owner of a factory that may have caused an oil spill in Sungai Johor could face legal action for negligence.

If the water samples collected from the drains near the factory in Felda Taib Andak, Kulaijaya, and Sungai Johor match, the factory owner could be charged soon, said state Department of Environment director Mokhtar Abdul Majid.

He said the samples were collected on Thursday and had been sent to the **Chemical Department** to be tested.

"We will compile the investigation papers and submit them to the Public Prosecutor's office for further action," he said yesterday.

Mokhtar said the state DOE had sealed the factory and directed it to stop operations pending the outcome of the chemical report.

"Usually it takes about two weeks but in urgent cases like this, we will push for the results," he said.

The oil spill was believed to be diesel-based and could have come from tyre burning, which produces oil as a by-product.

The spill forced the Semangar and Sungai Johor water treatment plants to be closed, affecting some 500,000 residents in parts of Nusajaya, Kulaijaya, Ulu Tiram and here.



Fighting pollution: Workers from the factory believed to be the cause of the oil spill arranging fabric sheets to contain oil in Sungai Johor and (inset) collecting spent sheets.

Checks by *The Star* found that stacks of used tyres were stored in a vacant land next to the factory.

A visit to a stream that supplies water to the treatment plants saw some workers putting up an oil boom with fabric sheets to contain the spill.

Sungai Johor and Semangar water treatment plants resumed operations at 9am and 11.30am respectively yesterday.

Syarikat Air Johor (SAJ) corporate communications chief Jamaluddin Jamal said continuous filtering and treatment had to be done to ensure

that it was safe for consumption before the plants were reopened.

Water supply was restored in stages after that.

For more information, contact the SAJ Info Centre hotline at 1800-88-7474 or SMS 019-772 7474 or email customer.care@saj.com.my.